

D607

UB989 BAH
MAHATHIR - DEMOKRASI R R R

SUBANG JAYA, 20 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA HENTERI, DATUK SERI DR HAHATHIR MOHAMAD HARI INI SERKATA KEBERKESANAN SESUATU SISTEM YANG DIAHALKAN DALATI PEMERINTAHAN NEGARA DAN PERJUANGAN SESEBUAH PARTI DITENTUKAN SENDIRI OLEH KECEKAPAN DAN KEIKHLASAN RAKYAT ATAU ANGGOTA YANG MENGGUNAKANNYA.

SISTEM ITU SENDIRI TIDAK AKAN HEHBERI KEBAHAGIAAN SEKIRANYA MASYARAKAT YANG MENGAMALKANNYA TIDAK MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN YANG DIJANJIKAN DARIPADA SISTEH ITU, KATANYA.

KETIKA BERUCAP HERASHIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PUCHONG DI SINI BELIAU BERKATA, SISTEM DEMOKRASI YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA DAN UMNO, HISALNYA MENGUTAMAKAN SUARA RAMAI YANG MENENTUKAN PEMILIHAN PEMIMPIN.

+TETAPI SUARA RAHAI JUGA KADANG-KADANG TERPENGARUH DENGAN FAKTOR-FAKTOR TERTENTU YANG MENYEBABKAN PEMILIHAN TIDAK SESUAI KERANA TIDAK MENGUTAMAKAN PERJUANGAN PARTI, PERJUANGAN MELAYU DAN MASA DEPAN ANGGOTA PARTI SENDIRI+, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SERINGKALI PEMILIHAN YANG KURANG ARIF DIBUAT KERANA RAKYAT ATAU ANGGOTA PARTI AKIBAT TERPENGARUH DENGAN JANJI DAN SOGOKAN ORANG-ORANG YANG LEBIH MEMENTINGKAN KEUNTUNGAN DIRI DAN SANGGUP MENGGADAIKAN NASIB BANGSA. -- LAGI

1517MST 20 08 89
0625

UB008 BAH
HAHATHIR - DEHOKRASI 2 SUBANG JAYA R R R

PERDANA HENTERI BERKATA, DALAM SESUATU PILIHAN RAYA ATAU PEHILIHAN PARTI MISALNYA, SESEORANG CALON YANG INGIN MENANG HANYA PERLU MEMBUAT JANJI ATAU MEMBERI SOGOKAN KEPADA PENGUNDI YANG KADANG-KADANG MENGEMUKAKAN TUNTUTAN YANG BUKAN-BUKAN DAN AKHIRNYA PEMIMPIN YANG TERPILIH BUKANLAH SEBAIK YANG DIHARAPKAN.

BELIAU MINGGATKAN MEREKA SUPAYA IKHLAS MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI SUPAYA PARA PEMIMPIN YANG DIPILIH MEREKA MEMBERI MANFAAT KEPADA PARTI, BANGSA DAN NEGARA.

DATUK SERI DR HAHATHIR MENARIK PERHATIAN KEPADA PEMILIHAN PUCUK PIHPINAN UMNO PADA TAHUN 1987 YANG MENUNJUKKAN BAGAIMANA SESETENGAH ANGGOTA MENYALAHGUNAKAN KONSEP DEMOKRASI YANG DIAMALKAN.

KATANYA, DARIPADA SEJUMLAH 1.4 JUTA ANGGOTA YANG DIANGGARKAN HENGANGGOTAI UMNO SEHINGGA PEHILIHAN ITU, 1,500 TELAH DIPILIH MEMBUAT PENGUNDIAN HEWAKILI KESELURUHAN ANGGOTA PARTI.

SEJAK DIPILIH MEWAKILI BAHAGIAN MASING-MASING, MEREKA TERDEDAH DENGAN PELBAGAI USAHA TIDAK SIHAT UNTUK MEMPENGARUHI UNDI.

+MAKA BERLAKULAH PEMILIHAN YANG TIDAK SIHAT APABILA SEKUMPULAN DARIPADA WAKIL INI BERJAYA DIPENGARUHI DENGAN PELBAGAI SOGOKAN DAN JANJI+, KATANYA.

-- LAGI
1552MST 20 08 89

D626

U B010 B A H
HAHATHIR - DEMOKRASI 3 SUBANG JAYA R R R

PERDANA MENTERI BERKATA, DI BAWAH SISTEM DEMOKRASI ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB RAKYAT ATAU ANGGOTA PARTI ITU SENDIRI UNTUK MERAPATKAN KERENGGANGAN YANG MUNGKIN WUJUD SELEPAS SETIAP PERTANDINGAN.

MALANGNYA, SELEPAS PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO PADA TAHUN ITU, MEREKA YANG SEBELUMNYA MENDAKWA MENGAMALKAN DEMOKRASI DALAM PERTANDINGAN YANG DIADAKAN, SEKALI LAGI MENGKETEPIKAN AMALAN SEBENAR DEMOKRASI DENGAN MENGKETEPIKAN SUARA RAMAI DAN MEMBAWA UMNO KE MAHKAMAH, KATANYA.

BELIAU MENGINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO BAGAIMANA SUKARNYA PADA NASA DAHULU UNTUK MEMUJUK PEMIMPIN-PEMIMPIN MELAYU MENGEPALAI SESUATU PARTI ATAU PERGERAKAN KERANA MEREKA INI BIMBANG TIDAK LAYAK MENJADI PEMIMPIN.

BERBEZA DENGAN KEADAAN SEKARANG MEREKA YANG TIDAK LAYAK TETAPI MEMPUNYAI KEPENTINGAN SENDIRI TURUT SANGGUP MENONJOLKAN DIRI, KATANYA.

DATUK SERI DR HAHATHIR MENASIHATKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI SUPAYA MENGELAKKAN PERTANDINGAN YANG KADANGKALA TIDAK PERLU DIADAKAN SEBALIKNYA MENGUTAMAKAN KESTABILAN DAN KEKUKUHAN PARTI. -- LAG1
1554MST 20 08 89

U020

U B011 BAH
HAHATHIR - DEMOKRASI 4 SUBANG JAYA R R R

TIADA GUNANYA MENGADAKAN PERTANDINGAN SEMATA-MATA UNTUK BERTUKAR PEMIMPIN YANG HAMPIR SAMA KELAYAKANNYA KERANA SEDIKIT SEBANYAK KERENGGANGAN SELEPAS PERTANDINGAN AKAN BERLAKU JUGA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KESETIAAN YANG DIAMALKAN OLEH MASYRAKAT MELAYU SENDIRI TERHADAP SESEORANG YANG DISOKONGNYA DALAM SESUATU PERTANDINGAN ITU MENYEBABKAN AGAK SUKAR UNTUK MERAPATKAN BARISAN SELEPAS PEMILIHAN.

BELIAU SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHAWA BELIAU BUKANNYA MENAFIKAN DEMOKRASI DENGAN TIDAK MENGGALAKKAN PERTANDINGAN, TETAPI PARA ANGGOTA UMNO PERLULAH MENGGUNAKAN KEBEBASAN MEMILIH ITU SEBAIKNYA.

MESYUARAT BAHAGIAN PUCHONG ITU DIHADIRI OLEH WAKIL-WAKIL DARIPADA 30 CAWANGAN YANG KINI MEMPUNYAI ANGGOTA KIRA-KIRA 11,000 ORANG. YANG HADIR SAMA IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI DAN MENTERI BESAR, TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB. --
BERNAMA

1557MST 20 08 89